

APRIL 2021

cassia



KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT



SUMBANGAN RAMADAN KUMPULAN FGV 1442H



Terima Kasih Dato' Haris Fadzilah Hassan

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV
23 Jan 2019 - 15 Mei 2021



Warga FGV sekalian,

Ini adalah nota saya yang terakhir sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV. Seperti mana yang anda telah ketahui, hari terakhir saya dalam perkhidmatan adalah pada 15 Mei.

Saya menyertai syarikat ini pada 23 Januari 2019 dengan fikiran yang jelas dan misi untuk meletakkan FGV kembali ke landasannya. FGV ketika itu diselubungi pelbagai isu dan sering menjadi bahan berita yang tidak disenangi. Ianya juga amat ketara bahawa Kumpulan perlu mengukuhkan tadbir urus dalamannya serta memperbaiki imej luarnya.

Dari segi perniagaan, strateginya adalah mudah dan jelas iaitu untuk memperkukuhkan perniagaan utama Kumpulan, terutamanya sektor perladangan, dan untuk menghasilkan pendapatan baharu. Walau bagaimanapun, kita harus menyatukan semua petugas agar bersama-sama bekerja sebagai satu pasukan dan memberi tumpuan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Salah satu tugas pertama saya adalah menaikkan semangat pekerja. Pada awalnya sewaktu saya bertemu ramai petugas, saya dapati kurangnya perasaan bangga bekerja di Kumpulan FGV ini. Oleh itu, saya berusaha menghidupkan kembali nilai-nilai teras PRIDE yang sudah sedia ada – Kerjasama, Hormat, Integriti, Dinamisme dan Semangat, bagi menjadi asas budaya berprestasi tinggi organisasi.

Alhamdulillah, di sebalik pelbagai cabaran, kerja keras dan kerja berpasukan yang kita berikan telah menunjukkan hasil yang positif dan saya merasakan kepuasan apabila mendapat maklum balas daripada sebilangan daripada petugas bahawa mereka amat berbangga menjadi warga FGV.

Walaupun saya kesal kerana tidak dapat menemani anda melalui fasa kedua strategi membawa pendapatan baharu untuk Kumpulan, saya yakin bahawa pengganti saya akan meneruskan inisiatif ini demi kepentingan terbaik Kumpulan. Berilah sokongan yang padu kepada beliau seperti yang telah anda tunjukkan kepada saya.

Akhir kata saya ingin berterima kasih kepada pihak Lembaga Pengarah dan juga pengurusan kanan atas segala kerjasama yang dihulurkan, saya doakan yang terbaik untuk semua warga FGV.

Selamat Hari Raya Aidilfitri.
 Maaf Zahir dan Batin.

Haris Fadzilah Hassan





RINGKASAN BERITA FGV

FGVIF Peroleh MSM Perlis Untuk FGV Chuping Agro Valley

Anak-anak syarikat FGV, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF) masing-masing menandatangani terma pelupusan dan pemerolehan 100 peratus kepentingan anak syarikat milik penuh MSM, MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) dengan pertimbangan awal RM175 juta, perjanjian itu dijangka dimuktamadkan pada suku ketiga nanti. MSM Perlis memegang 11 bidang tanah pertanian dan perindustrian yang telah diperuntukkan untuk FGV Chuping Agro Valley oleh FGVIF bagi aktiviti perladangan tanaman tunai bersepadu bernilai tinggi dan perniagaan penternakan tenusu.



Hampir RM1 Juta Zakat Wakalah Perniagaan Diagihkan Bantu Golongan Memerlukan

FGV menyalurkan sebanyak RM980,500 bayaran zakat wakalah perniagaan kepada asnaf dan golongan yang memerlukan. Daripada jumlah itu, sebanyak RM874,500 diperuntukkan kepada asnaf-asnaf di 11 wilayah Felda manakala bakinya diagihkan kepada 200 orang asnaf di sekitar Lembah Klang. Mereka turut menerima pelbagai produk keluaran Kumpulan FGV seperti beras, santan dan minyak masak SAJI, gula PRAI serta marjerin Seri Pelangi.

Sistem Bersepadu Kilang Sawit (POMIS) Tingkat Kecekapan Operasi Kilang Sawit

FGV Prodata Systems Sdn Bhd (FGV Prodata), memodenkan pengurusan operasi kilang sawit melalui pelaksanaan Sistem Bersepadu Kilang Sawit yang juga dikenali sebagai "Palm Oil Mill Integrated System (POMIS)". POMIS adalah sebuah sistem yang menawarkan penyelesaian menyeluruh bagi pemantauan operasi kilang sawit secara bersepadu dan automatik. Sehingga kini, sebanyak 66 daripada 67 buah kilang sawit FGV menggunakan POMIS untuk meningkatkan lagi kecekapan operasi mereka. POMIS dilengkapi dengan sensor berasaskan teknologi pintar dan sistem automasi terkini untuk meningkatkan pengawasan, pemantauan dan pengendalian operasi harian kilang sawit serta sistem komunikasi yang lebih baik.



Projek Rintis Tanaman Kontan FGV Membuahkan Hasil

FGV Plantations Malaysia Sdn Bhd (FGVPM) mengukuhkan lagi potensi perniagaan dalam bidang agri makanan menerusi projek rintis tanaman kontan (*cash crop*) seperti nanas, tembikai, pisang serta ternakan ikan air tawar. Projek ini dilaksanakan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah seluas 15,000 hektar yang diperuntukkan untuk penanaman semula kelapa sawit pada setiap tahun. Aktiviti ini turut memelihara tekstur dan kesuburan tanah serta meningkatkan kawalan makhluk perosak dan penyakit. Selain manfaat pendapatan sampingan ketika musim penanaman semula, FGV berpeluang mengembangkan aktiviti pertanian kontrak (*contract farming*) bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan.

WIRA FGV

Pematuhan RSPO Antara Tugas Penting Yusof



Bermula sebagai Eksekutif Pelatih di Ladang FGV Berabong 1, Pahang pada tahun 2005 merupakan detik awal penglibatan Mohd Yusof Baharom dalam industri perladangan sawit Kumpulan FGV.

Merantau jauh dari kampung halaman, personaliti pilihan Wira FGV ini cecal menghadapi pelbagai cabaran demi mendalami bidang yang digemarinya.

Yusof kini memegang jawatan sebagai Pengurus Operasi Jabatan Tenaga Kerja dan Perhubungan Peneroka di Jabatan Tenaga Kerja FGV. Kerjaya di bidang ini memerlukan komitmen yang tinggi kerana ianya dikategorikan sebagai 3D (kotor, bahaya, sukar), dan memerlukan ketahanan mental dan fizikal bagi menggalas tanggungjawab yang diberikan.

“Sudah menjadi rutin harian saya untuk turun ke padang dan melihat sendiri operasi harian bagi memastikan kerja-kerja dijalankan dengan lancar. Malah, tanggungjawab saya bukan sahaja melibatkan operasi ladang tetapi juga memastikan aspek kebajikan dan kesihatan pekerja ladang diberikan perhatian sewajarnya,” ujar beliau yang juga pernah bertugas sebagai Penolong Pengurus di Ladang FGV Bera Selatan 4.

Mengakui kerjayanya kini semakin mencabar, Yusof bersyukur kerana diberi peluang untuk terus memberi sumbangan bermakna kepada Kumpulan FGV terutamanya dalam memastikan pematuhan Kumpulan terhadap keperluan yang digariskan oleh Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) industri sawit.

“Tugas saya kini lebih kepada pemantauan standard yang ditetapkan oleh RSPO, terutamanya yang melibatkan pengurusan tenaga kerja migran di ladang-ladang FGV. Ini bagi memastikan Kumpulan sentiasa patuh kepada keperluan yang ditetapkan khususnya dalam usaha menghormati hak-hak pekerja migran. Ini termasuk memastikan mereka menerima kemudahan perumahan yang baik, akses terhadap kemudahan kesihatan dan sebagainya,” tambah beliau yang kini memantau pematuhan tersebut di empat buah wilayah di Zon Tengah.

Dalam kesibukan bekerja, Yusof juga tidak melepaskan peluang untuk aktif di dalam aktiviti-aktiviti sosial, kebajikan dan sukan yang dianjurkan oleh Kumpulan FGV. Beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan & Rekreasi Felda (KSRF) dan aktif dalam sukan hoki yang pernah dianjurkan

beberapa tahun dahulu.

“Saat yang paling tidak dapat dilupakan ialah kejayaan membawa pasukan hoki FGV ke Liga Hoki Kuala Lumpur Divisyen 1 pada tahun 2017. Ketika itu saya diberi tanggungjawab menjadi pengurus pasukan dan lebih membanggakan, pasukan FGV diwakili oleh seorang pemain profesional Malaysia,” ujar bapa kepada empat cahaya mata ini.

Menyentuh mengenai FGV pula, beliau berbangga dapat berkhidmat di Kumpulan FGV kerana bagi beliau FGV merupakan sebuah organisasi perladangan yang ternama dan disegani oleh pemain-pemain industri.

“Nama FGV terkenal bukan sahaja di pelosok negara malahan terkenal sebagai salah sebuah syarikat perladangan sawit terbesar di dunia. Saranan saya kepada semua terutamanya yang baru berkhidmat di Kumpulan FGV, berilah perkhidmatan yang terbaik dan bekerjalah dengan bersungguh-sungguh supaya FGV mampu melangkah lebih jauh lagi di masa hadapan. Kita mampu realisasikannya,” kata beliau.



Tahniah kepada FGV Palm Industries Sdn Bhd, pemenang kategori Anugerah Tenaga Boleh Baharu (*Renewable Energy – Cogeneration*) di majlis penghargaan National Energy Awards 2020 (NEA 2020) anjuran Kementerian Tenaga dan Sumber Asli pada 6 April.

■ Anugerah Kecemerlangan Kewangan Kumpulan FGV



Tahniah kepada petugas Kewangan Kumpulan yang diberi penghargaan untuk prestasi cemerlang dalam Keberkesanan Proses Pelaporan Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 2020.

Penerima yang diraikan adalah Ketua-Ketua Kewangan Syarikat, Sangkar Arumugam, yang mewakili enam syarikat di bawah Kumpulan Pontian United Plantations Berhad, Muhammad Fauzi Muhammad dari Delima Oil Products Sdn. Bhd., Datin Rosezalina Daros dari FGV Trading Sdn. Bhd., Khairun Nizam Md Hashim dari FGV Kernel Products Sdn. Bhd. dan Haslawati Abdul Jalil dari FGV Shared Service Centre Sdn. Bhd. Prestasi ini telah dinilai oleh juruaudit luar Kumpulan FGV, iaitu Tetuan Pricewaterhouse Coopers PLT (PwC) dan telah dibentangkan kepada

Jawatankuasa Audit pada 23 Mac 2021. Syarikat dinilai dari segi kualiti pelarasan yang diserahkan untuk tujuan audit serta kualiti penyata kewangan yang disediakan untuk disemak oleh PwC bagi tujuan audit akhir tahun.

Di samping itu, Kewangan Kumpulan turut memberi sijil penghargaan dan cenderahati kepada lima petugas yang telah menamatkan peperiksaan profesional perakaunan, The Association Chartered Certified Accountants (ACCA) dan The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) antara 2020 sehingga April 2021. Mereka yang menerima penghargaan adalah Muhamad Azim Sekeri, Hana Maryam Mohammad Kamal dan Nadia Amanina Rezlan, masing-masing dari Kewangan Kumpulan serta Syairah Kharudin dan Azeem Murhalim Kamsani, di mana kedua-duanya adalah petugas dari FGV

Plantation (Malaysia) Berhad. Dengan peningkatan bilangan kakitangan yang berjaya menamatkan peperiksaan di peringkat profesional, Kumpulan dijangka dapat meningkatkan lebih ramai akauntan yang bertauliah. 30 petugas di Bahagian Kumpulan Kewangan adalah ahli badan perakaunan professional di peringkat antarabangsa manakala 50 petugas adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Sijil penghargaan serta cenderahati disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan FGV, Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Haris Fadzilah Hassan serta Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid. Hadir sama, Ketua Bahagian Kewangan FGV / Pengawal Kewangan Kumpulan, Aznur Kama Azmir serta akauntan-akauntan Kumpulan.

■ Zon Integriti Diperluas ke Semua Kilang-kilang Sawit

Zon integriti telah dilaksanakan di 67 kilang-kilang sawit FGV seluruh negara sejak tahun 2019. Ini menunjukkan komitmen FGV untuk meningkatkan kesedaran pencegahan rasuah dalam tadbir urus bermula dari tempat kerja. Papan-papan tanda berkenaan undang-undang anti-rasuah dari Akta SPRM 2009 telah didirikan di kawasan strategik kilang untuk memberi kesedaran mengenai kempen anti rasuah ini.

Terdapat tiga bidang utama dari aspek integriti dalam FGV yang difokuskan, iaitu penipuan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah. FGV telah mengambil langkah yang diperlukan untuk memastikan kepatuhan ini, sejajar dengan amalan baik anti-rasuah di peringkat global.

Para petugas Kumpulan FGV diseru meningkatkan kesedaran, sentiasa peka dengan mengelakkan diri dari melakukan

salahlaku rasuah dan meningkatkan pemahaman polisi, SOP serta garis panduan. Tingkatkan budaya integriti kita dengan melaporkan sebarang kejadian salahlaku rasuah yang diketahui.

Untuk sebarang pencerahan lanjut, sila hubungi Jabatan Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Kumpulan atau rujuk kepada polisi di FGV Hub.



PROJEK TRAK TAT

Mengurangkan putaran masa (TurnAround Time - TAT) trak di FGV Fertiliser Kuantan

PENGENALAN

Tujuan projek ini adalah untuk mengkaji masa muat – naik baja ke atas Lori Trak (TAT) untuk kurangkan pembaziran masa dan tingkatkan kecekapan proses.

FASA ANALISIS (Analyse):
Menggunakan Analisis Pareto untuk mendapatkan data jambatan timbang



BETA

FASA TAMBAH BAIK (Improve):
1. Jadual terperinci
2. Tiga (3) trak pada satu masa
3. Wakil dari Pengangkutan

FASA UKUR (Measure):
1. > 90% kelewatan adalah Trak > 30MT Kapasiti (Purata masa 8 jam)
2. > 80% kelewatan adalah baja jenis NPK MIX 9.5 (purata masa 9 jam)

FASA KAWAL (Control):
1. 100% di bawah sasaran tiga jam
2. Tahap 6 Sigma (Tanpa Cacat)

FASA KENAL PASTI (Define):
65% masa mengisi muatan < 4 jam
35% masa mengisi muatan > 4 jam

MULA

Jan 2021

TAMAT

Apr 2021

Objektif TERCAPAI

KESIMPULAN:

Projek dikategorikan **berjaya** dan akan dikembangkan ke bahagian lain yang ada persamaan

Pengiktirafan:

FGV Fertiliser



FGV Transport Services

Ihya Ramadan



Penyerahan sumbangan zakat wakalah perniagaan Kumpulan FGV oleh Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan, Dato' Najmuddin Abdullah mewakili FGV kepada Ketua Peneroka Wilayah Raja Alias yang mewakili asnaf di FELDA Wilayah Raja Alias.



Agihan 500 bekas bubur lambuk oleh Pusat Latihan Polis Bantuan Bukit Rokan yang diwakili oleh Encik Haridas kepada Dato' Muhamed Haji Abdullah, Undang Luak Johol.



Jualan nanas potong MD2 di lobi Wisma FGV.



Program tajaan berbuka puasa bagi anak yatim, asnaf dan pelajar tahfiz di Hotel Sri Costa, Melaka anjuran Felda Travel.



Agihan bubur lambuk di Wisma FGV.



Jualan khas pra pelancaran kordial berperisa jenama SAJI.



Petugas FGV di Lepar Utara 8 memasak bersama-sama untuk juadah berbuka puasa.



Kerjasama FGV dan Sufi Brand untuk program sumbangan Ramadan kepada Asnaf di Lembah Klang.



Program Tadarus Al-Quran di Surau Al-Muhajirin, Wisma FGV.



Kaunter pertanyaan zakat dan zakat fitrah di Wisma FGV.

RESIPI PILIHAN

Kek Puding Karamel

Kali ini kami tampilkan resipi Kek Puding Karamel yang sesuai dibuat manisan semasa juadah berbuka puasa. Jom kita cuba!

BAHAN-BAHAN

Karamel

- 1 SB Gula Kasar Prai
- 1 SB Gula Merah Prai

Puding

- 3 biji kuning telur
- 2 biji telur
- 1 tin Krimer Sejat SAJI
- 1/2 cawan Krimer Manis SAJI
- 1 SB tepung kastard
- 1 SK esen vanilla
- 1 SK Garam Gunung SAJI

Meringue

- 6 biji putih telur
- 3/4 cawan Gula Kastor Prai
- 1 SK krim tartar

Kek

- 3 biji kuning telur
- 1/2 cawan Gula Kastor Prai
- 1/2 cawan air
- 1/4 cawan Minyak Masak SAJI
- 1 SK esen vanilla
- 1 SK serbuk penaik
- 1 1/2 cawan tepung gandum

Cara-Cara Memasak

1. Panaskan dan kacau bancuhan bahan karamel sehingga keperangan dan ratakan.
2. Masukkan semua bahan untuk puding dan kacau perlahan-lahan sehingga sebat.
3. Tapis di atas karamel.
4. Pukul semua bahan *meringue* sehingga kembang.
5. Kacau bahan untuk kek sehingga sebat.
6. Sebatikan bersama bancuhan *meringue*.
7. Bahagikan adunan kepada tiga bahagian.
8. Letak pewarna kegemaran anda.
9. Susun warna selang-seli atas puding.
10. Masakkan secara *water bath* dengan suhu 150 darjah celsius selama sejam.

Siap untuk dihidangkan!

Resipi oleh:
Nurul Hidayah Hashim
FGV Transport





Menangi Hadiah dan Wang Tunai Berjumlah

RM 100,000

12 April - 24 Mei 2021



Hadiah Utama x 1

Wang Tunai

RM 10,000



Hadiah Istimewa x 1

Thermomix Bernilai

RM7,188

Hadiah Harian x 5400

Baucar e-Tunai Berjumlah

RM 100,000



Beli



Beli produk keluaran FGV terpilih bernilai RM25 ke atas dan muat naik bukti pembelian ke www.hadiahdarihati.my

Putar



Dapatkan link melalui SMS untuk Putar & Menang

Menang



Setiap pembelian layak memenangi Baucar e-Tunai* dan berpeluang memenangi hadiah utama

Imbas kod untuk sertai



TANYA DOKTOR POKOK



S: Jika daun pokok saya sudah kuning, adakah ia masih boleh diselamatkan?

- Rozidah Md Lihim, FGVPM

J: Daun pokok yang sudah kuning biasanya disebabkan oleh kekurangan air dan baja yang ketara, jadi ia tidak boleh dipulihkan lagi. Namun, penyiraman dan pembajaan yang mencukupi akan memastikan daun

baru yang bakal tumbuh tidak menjadi kuning.

S: Cara untuk elakkan kucing buang najis di dalam pasu dan bekas tanaman?

- Nor Azila Mohammed Ali, FGVIF

J: Anda boleh menggunakan alas atau pelapik pasu untuk meninggikan kedudukan pasu supaya tidak mudah dicapai oleh kucing.



S: Apakah tips penyiraman tanaman jika tiada di rumah dalam tempoh yang lama?

- Shamsinah Ramli, FGVH

J: Cara paling selamat adalah untuk memasang sistem siraman pokok yang mempunyai 'timer' untuk kawalan siraman pokok secara berjadual untuk tempoh yang lama.



Anda boleh hantarkan soalan-soalan berkaitan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600. Soalan anda akan dijawab dalam Cassia edisi hadapan.

APA KATA MEREKA?

Keunikan Ramadan Tahun Ini



Tahun ini tahun kedua menyambut Ramadan mengikut norma baharu gara-gara COVID-19. Alhamdulillah, masih dapat terbuka di restoran, boleh pergi ke bazar Ramadan dan boleh solat di masjid. Kita tidak berkurang macam tahun lepas dan bebas ke sana ke sini seperti biasa. Semoga kita semua dapat memanfaatkan peluang yang ada dengan sebaiknya dan menjaga SOP serta kesihatan. Marilah kita berdoa supaya wabak pandemik ini diangkat oleh Allah dan kita boleh menjalani kehidupan harian seperti biasa. InshaAllah.

- Nurul Izzaty Mohd Ariff, Perolehan, FGVH



Walaupun pengakhiran Ramadan dan Syawal tahun ini sudah menjadi bualan ramai sejak awal lagi, namun ia masih disambut dengan senyuman dan iman. Di FGV Innovation Centre, petugas-petugas FGV mengimarahkannya dengan program seperti Tadarus Al-Quran. Biar pun Syawal yang bakal tiba mungkin tidak disambut bersama keluarga di kampung, saya menjadi saksi kepada kecekalan petugas-petugas di sini di saat COVID-19 mengubah dunia dan ini menjadikan Ramadan "norma baharu" sangat berbeza dan lebih bermakna.

- Nurul Asyikin Mohd Zim, Penyelidik, FGV R&D, Enstek



Setahun tubuh ini dipenuhi luka yang hadir dari salah ucap dan sikap. Justeru, Ramadan hadir sebagai ubat untuk menyembuhkan segala luka dan pembersih setiap dosa. Mengembalikan kita dalam keadaan yang fitri (suci). Semoga, ibadah puasa dalam pandemik COVID-19 ini mampu me-'restart' diri ini agar sentiasa menjadikan Allah sebagai tempat untuk segala sandaran. **STAY SAFE EVERYONE!**

- Siti Nur Atiqahfarain Azhari, Bahagian Produk Pengguna (Kewangan)



Tahun ini tahun kedua Ramadan dilalui bersama COVID-19. Tahun ini terasa masih sama seperti tahun lepas. Berjauhan dengan keluarga. Sebagai seorang Muslim, kita perlu pandang dari sudut positif. Ramadan kali ini dilalui dengan mudah dan lancar. Secara peribadi, Ramadan kali ini banyak mengajar saya bersyukur, sabar dan tenang dalam membuat keputusan atau menerima ujian Allah. InshaAllah setiap perkara yang berlaku tentu ada hikmahnya.

- Mohammad Nur'Izwan Samsudin, FGV SSC



SIAPAKAH
SUARA EMAS
FGV 2021?



Memori di Krabi



Teringin membawa keluarga bercuti ke luar negara tapi tak mahu mengeluarkan wang yang banyak? *Sawadikap!* Mari kita ke Krabi!

Sama ada ini baru pertama kali anda sekeluarga ingin ke luar negara, ataupun sudah banyak ke negara lain, jangan dipejamkan sebelah mata dengan tarikan yang terdapat di negara jiran kita, Thailand.

Memiliki lebih daripada 200 buah pulau di sekitarnya, Krabi adalah salah satu daerah di Thailand yang terkenal dalam kalangan pelancong di seluruh dunia.

Nama pun *throwback*, jadi saya kongsi kisah percutian saya semasa 2018. Jika ke Krabi, kita haruslah ambil tahu ke mana tujuan kita samada sekadar Jalan-Jalan Cari Makan atau mahu *snorkeling* ke pulau-pulau.

Jika mahu ke pulau-pulau, saya cadangkan untuk ambil pakej *The Four Island* yang ditawarkan di sana dengan harga yang sangat berpatutan untuk anda kunjungi antara pulau-pulau yang tercantik di dunia iaitu Phi Phi Island, Maya Bay, Tup Island dan Monkey Island. Jangan risau tentang makanan halal, mereka turut menyediakan pakej untuk

pelancong-pelancong beragama Islam juga.

Jika anda suka makan di tepi laut, setiap gerai di Krabi ada perkhidmatan menyediakan makanan di tepi laut dengan menyediakan tikar dan penghantaran makanan untuk menikmati suasana petang di sana.

Jangan lupa mengunjungi Krabi Town untuk membeli-belah dengan harga yang murah.

Wat Kaew Temple adalah sebuah tokong yang terletak di tengah-tengah Krabi Town. Sampai sahaja di sini, anda akan melihat tangga tinggi berwarna putih yang dikelilingi oleh naga berwarna emas. Setelah penat menaiki tangga, anda akan melihat kompleks tokong besar yang kelihatan tenang selain kehadiran ayam dan burung merak.

Pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan di Krabi. Jika anda berpeluang untuk ke Krabi nanti, jangan lupa untuk makan Tom Yam, memang *kaw* punyalah!

oleh:
Ct Nurbaya Ismail,
FGV Transport

Anda mempunyai pengalaman yang menarik semasa percutian? Destinasi yang tidak dapat dilupakan? Jom berkongsi dengan kami! Karya daripada petugas FGV akan diterbitkan pada setiap keluaran edisi Cassia.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Penulisan haruslah disertakan bersama foto bersaiz tidak kurang dari 2MB.
2. Penulisan anda haruslah tidak melebihi 250 patah perkataan.

Anda boleh menghantar karya travelog anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com

Tarikh tutup: 31 Mei 2021



CABARAN LANGKAH 10 KM LARIAN VIRTUAL FGV 2021

ANJURAN KELAB SUKAN FGV



200 penyertaan

sudah kami terima

Jom daftar sebelum 31 Mei 2021!

Hubungi AJK Zon KSFGV anda untuk maklumat lanjut.
Kuala Lumpur - Johor - Serping - Kuantan - Utara - Lipis - Sarawak - Sabah.

Tahniah Pemenang Peraduan Aktiviti Ramadan

11

Setiap hari selepas pulang dari kerja dan sekolah, kami akan beratur mengambil juadah berbuka yang diagihkan oleh Masjid Universiti Teknologi Malaysia. Dahulunya itulah rutin iftar kami sekeluarga di masjid sehinggalah selesai tarawih. Kini rutin itu digantikan secara 'take away' sahaja. Walaupun rindu akan rutin lama namun rutin yang baharu ini lebih menjimatkan masa dan tenaga serta kami dapat meluangkan lebih masa berkualiti bersama keluarga di rumah. Ramadan tahun ini agak berbeza namun tetap bersyukur masih bertemu dengan bulan Ramadan.

- **Mawaddah Shamon**
FGV SSC



Aktiviti membuat kad raya kepada opah, atok, nekma dan tok abah, memang dilakukan setiap tahun. Cuma sebelum ini kad raya yang dihantar, orangnya tetap muncul beraya bersama. Norma baharu kali ini kad raya dihantar, namun orangnya muncul hanya secara maya. Video call bersama keluarga dan saudara mara menjadi style norma baharu. Marilah kita bersama-sama memerangi dan menjauhi COVID-19. #staysafe #jauhdimatadekatdihati

- **Nurul Hidayah Hashim**
FGV Transport



Alhamdulillah, bertemu idola di bulan Ramadan Al-Mubarak sempena Majlis Sumbangan Ramadan Kumpulan FGV di Menara FELDA. Zul Handy Black yang popular dengan lagu Kau Yang Bernama Seri tampil bersama Assalam Buskers menghiburkan para asnaf yang diraikan dengan lagu-lagu berunsurkan dakwah.

- **Azha Mat Salleh,**
FGVH



Pada 29 April bersamaan 17 Ramadan telah berlangsungnya Program Edaran Bubur Lambuk yang dianjurkan oleh Pusat Latihan Polis Bantuan FGV, Bukit Rokan. Program ini turut disertai oleh pelatih kursus DBKL. Bubur lambuk dimasak dan diserahkan kepada semua warga Bukit Rokan, warga masjid dan anak-anak yatim yang berhampiran. Sesi petang pula diadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Majlis Berbuka Puasa bersama golongan asnaf.

Bukan sekadar ingin bermadah,
tetapi berpesan walau berkali sudah,
Ramadan ini bulan ibadah,
Ramadan bukan bulan juadah.

- **Polis Bantuan,**
Pusat Latihan Polis Bantuan FGV Bukit Rokan



SELFIERAYA

#kitakitaaje



Ambil gambar selfieraya anda yang menggambarkan #kitakitaaje dan kongsi dengan kami di groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke **019-2004600**. Hadiah-hadiah menarik menanti anda!

★ **Tarikh tutup sebelum 31 Mei 2021.**

TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui groupstrategiccomms@fgvholdings.com

